

CONTOH TAJUK-TAJUK UNTUK PRAKTIKUM SHE101/2 HUBUNGAN ETNIK

1. Saya ingin tahu kenapa orang Muslim wajib sembahyang 5 kali dalam sehari dan juga berpuasa.
2. Ingin tahu tentang usul-usul ang pau.
3. Saya mahu menjalankan penyelidikan masyarakat India,terutama semasa mereka menyambut Thaipusam.
4. Masyarakat Cina.Saya nak tahu sejarah tentang 'kasi',sebab dan kenapa dilakukan.
5. Masyarakat Melayu.Tentang adat perpatih di Negeri Sembilan.
6. Saya ingin mengetahui dengan lebih lanjut lagi tentang perayaan 'Moon Cake Festival' di kalangan orang Cina dan bagaimana dikatan 'dewa' mereka 'naik' ke langit semasa perayaan tanglung.
7. Dalam masyarakat India,kanak-kanak perempuan yang telah menjadi remaja akan diraikan.Mengapa dan bagaimana ia dilakukan?
8. Saya ingin mengetahui dengan lebih lanjut tentang bagaimana upacara 'mencukur' rambut bayi yang baru lahir diadakan.Apakah dan bagaimana ia dilakukan?Malah,apakah kebaikan yang boleh didapati daripadanya?
9. Ingin mengetahui tentang budaya India.
10. Budaya Melayu.Nak tahu dengan mendalam tentang masakan /makanan di Kelantan dan budaya pemakanan masyarakat tersebut.
11. Budaya minoriti di Sabah dan Sarawak.Sejarah tentang 'hunting head'.
12. Tentang orang India.Kenapa orang India mencucuk badan semasa perayaan?
13. Ingin mengetahui tentang silk road.
14. Kenapa Cina memakai 'cheong sam'?
15. Apa yang saya ingin tahu tentang budaya etnik lain ialah majlis persandingan masyarakat India yang digambarkan begitu meriah dan unik.
16. Apa yang saya ingin tahu tentang budaya makan sireh dalam masyarakat Melayu.Apa kelebihanya dan dari mana datangnya amalan ini?
17. Saya hendak mengetahui tentang cara perkahwinan orang Cina yang mana saya suka dengan cara yang mereka lakukan.Contohnya,minum bersama,ang pau dan minta restu dari ibu bapa.

- kemeriahan
- cara melakukan
- berapa hari berlangsung
- makan besar
- persandingan
- perarakan

18. Dalam budaya sendiri saya ingin mengetahui tentang adat merisik, bertunang dan berkahwin.

- asal adat-adat ini
- bagaimana berlaku dan berlangsung
- tempoh/masa diambil dalam tempoh bertunang
- cara-cara melaksanakan
- kenduri

19. Mengkaji budaya etnik Cina dari segi pemakanan iaitu orang Cina suka makan sayur-sayuran.

20. Mengapa orang Melayu mengadakan kenduri semasa majlis perkahwinan dan mengajak orang secara beramai-ramai?

21. Saya hendak mengetahui tentang agama lain seperti Cina dan India. Setiap etnik mengamalkan perbezaan agama dan keupacaraan amalan agama masing-masing.

- Bila upacara sembahyang itu diadakan?
- Berapakah dalam sehari atau seminggu?
- Bagaimana hendak menunjukkan ketaatan kepada agama masing-masing?
- Apakah perkara baik dan buruk yang patut dilakukan dan dielakkan?

22. Mengapa kebudayaan pada musim tahun baru, makan besar atau bersama keluarga adalah menjadi satu kemestian.

23. Amalan bercukur bayi selepas lahir dalam kalangan masyarakat Melayu.

24. Apabila kaum Cina dan India mengadakan sesuatu perayaan, kenapakah masyarakat Melayu yang kuat beragama tidak berkunjung ke rumah kaum Cina dan India? Adakah faktor agama ataupun faktor lain yang menghalang?

25. Dalam masyarakat Cina ada amalan "Hari atau Tahun Hantu". Jadi, kenapakah amalan seperti itu diadakan dan apakah kesan yang timbul jika tidak merayakannya dari perspektif masyarakat Cina?

26. Tanglung-sejarahnya.